



PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA KEDAH DARUL AMAN
KENYATAANTAWARAN

Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), Sijil Taraf Bumi (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam Gred G1 Kategori B04 dan kontraktor berdaftar dengan Kerajaan Negeri Kedah (iDaftar) dan masih dibenarkan menyertai sebutharga ini.

NO. TAWARAN	PDKM/700-4/1/1 SK 14/2021
SKOP KERJA	KERJA PEMBAIKAN PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS SUNGAI PETANI, MUKIM KUALA, DAERAH KUALA MUDA
HARGA DOKUMEN	RM10.00 senaskah. BAYARAN INI TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN
TARIKH BUKA	07 OKTOBER 2021
TARIKH TUTUP	17 OKTOBER 2021 (AHAD) , JAM 12.00 TENGAH HARI

2. Syarikat yang berminat, hendaklah membuat PERAKUAN menyertai Sebut Harga di sistem iDAFTAR (<https://idaftar.kedah.gov.my>) dan menjelaskan bayaran secara atas talian mengikut No Tawaran iaitu PDKM/700-4/1/1 SK 14/2021 bagi jumlah RM10.00 sebelum dokumen softcopy Sebut Harga dikemukakan kepada syarikat. Urusan penjualan Dokumen Tawaran dibuka sepanjang masa setiap hari kecuali pada jam 12.00 tengah malam hingga 12.30 pagi bagi penyelenggaraan transaksi elektronik pihak bank.
3. Syarikat dikehendaki menyemak No Siri Kawalan Dokumen yang diberikan melalui sistem iDAFTAR dan melengkapkan No Siri Kawalan Dokumen pada setiap halaman muka depan Dokumen Sebut Harga pada ruangan kotak disediakan. Kegagalan ini, boleh mengakibatkan dokumen ditolak.
4. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi, dicetak dan disahkan, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan dicatitkan No Sebut Harga: PDKM/700-4/1/1 SK 14/2021 pada sebelah atas kiri sampul dengan terang dan jelas dan dimasukkan terus ke dalam peti tawaran sebut harga yang disediakan di pejabat
5. Lawatan tapak adalah TIDAK DIWAJIBKAN.
6. Tuan-tuan dinasihatkan untuk memastikan SAH LESEN sekurang-kurangnya TIGA (3) BULAN dari tarikh tutup sebutharga. KEGAGALAN berbuat demikian BERMUNGKINAN BOLEH MENJELASKAN peluang bidaan yang dimasuki oleh tuan-tuan.
7. Sila patuhi SOP semasa yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan bagi mengelakkan penularan COVID-19 semasa proses penghantaran dokumen sebutharga. Sila pakai pelitup muka (face mask). Amalan penghantaran dokumen sebutharga secara berkumpulan tidak dibenarkan.

8. Dokumen sebutharga yang telah diisi ,dicetak dan disahkan , hendaklah dimasukkan kedalam sampul berlakri dan dicatatkan No. Sebutharga : PDKM/700-4/1/1 SK 14/2021 pada sebelah kiri sampul dengan jelas dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Blok B , Aras 1 Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Muda tidak lewat dari jam 12.00 tengahari , hari AHAD bertarikh 17.10.2021.

9. Syarikat boleh menggunakan perkhidmatan kurier untuk penghantaran dokumen sebutharga. Syarikat dikehendaki memastikan sendiri bahawa dokumen selamat dihantarkan dan dimasukkan ke Peti Sebutharga yang disediakan oleh Jabatan dengan agen perkhidmatan kurier dalam masa yang ditetapkan. Kerajaan tidak akan bertanggungjawab atas kelewatan penerimaan dokumen syarikat.

Disahkan Oleh:-



(HAJI ABDULLAH BIN HAJI HASHIM. SDK., AMK., BCK.)
Pegawai Daerah Kuala Muda
Kedah Darul Aman

TARIKH :

07 OCT 2021